



SPTA PERHEBAT INDUSTRI PERHUTANAN DAN PERKAYUAN NEGARA

Ditubuhkan pada November 1996, program-program pengajian di bawah Sekolah Perhutanan Tropika Antarabangsa (SPTA) mula ditawarkan kepada para pelajar ke arah membentuk asas yang kukuh dan profesional sekaligus memenuhi pasaran dan keperluan dalam bidang perhutanan dan perkayuan. Melalui sekolah ini mahasiswa dan mahasiswi dilengkapi dengan ilmu pengetahuan dan pengalaman melalui pendedahan serta didikan para pensyarah yang berwibawa bagi melahirkan graduan yang mampu berkhidmat di sektor hutan ladang dalam negara dan perhutanan antarabangsa.

Semenjak ditubuhkan, SPTA telah menjana seramai 1,401 graduan yang kini telah berkhidmat di pelbagai bidang termasuk agensi kerajaan dan swasta. Soal selidik yang dijalankan telah menunjukkan prestasi yang membanggakan di dalam kemajuan kerjaya para alumni terutamanya dalam bidang perhutanan. Antara kerjaya yang telah diceburi termasuklah sebagai Pengusaha Ladang, Pegawai Perhutanan, Penganalisa Dasar / Polisi Perhutanan, Pegawai Penyelidik, Perunding Landskap, Pengurus Kilang, Pengusaha Industri Perkayuan dan lain-lain. Bersempena Majlis Konvokesyen UMS ke-13 pada tahun ini, seramai 167 graduan sekali lagi bersama-sama graduan daripada sekolah-sekolah yang lain akan mengikut jejak para pelajar perintis untuk menerima ijazah Sarjana Muda Sains Perhutanan atas kejayaan menamatkan pengajian dalam bidang ini dengan jayanya.

Tahun 2010 yang lalu turut melakar satu lagi detik bersejarah di universiti ini dengan pelancaran Taman Botani UMS dimana SPTA diberikan amanat untuk memelopori projek tersebut bagi merealisasikan hasrat Naib Canselor, Brig. Jen. Prof. Datuk Seri Panglima Dr. Kamaruzaman Hj. Ampon untuk menjadikan UMS sebagai 'Universiti Dalam Taman'. Taman Botani itu dilihat bukan sahaja mampu memberi pelbagai manfaat kepada universiti malah pewujudan taman tersebut yang akan menyimpan pelbagai khazanah alam semula jadi amat bertepatan untuk tatapan generasi akan datang.

Sebelum ini, SPTA juga merupakan antara penyumbang besar yang terlibat langsung dalam memberi idea dan tenaga kerja dalam perancangan landskap universiti. Hasilnya ternyata amat membanggakan apabila UMS berjaya dinobatkan sebagai juara kebangsaan Pertandingan Landskap Kategori Kolej/Universiti yang diumumkan di Majlis Sambutan Hari Landskap Negara pada tahun 2006.



Disamping pencapaian-pencapaian tersebut, pelbagai aktiviti penyelidikan juga kini giat dijalankan selain meneruskan usaha-usaha meningkatkan mutu prasarana bagi memudahkan para pelajar menjalankan projek-projek penyelidikan. Keselesaan dengan prasarana yang serba lengkap ketika menjalankan penyelidikan sememangnya penting bagi memastikan para graduan mampu mendapat hasil kajian yang berimpak tinggi. Penemuan seumpama itu sekaligus akan menjadi penyumbang ke arah ketrampilan pengurusan serta pengawalan industri perhutanan dan perkayuan yang seterusnya memberikan hasil lumayan kepada pertumbuhan ekonomi negara.



Justeru, aktiviti-aktiviti penyelidikan yang telah dan sedang dijalankan di SPTA adalah berdasarkan kepada nic-nic penyelidikan seperti berikut:

- Rehabilitation of degraded forest landscapes to sustain the wood and non-wood resources of tropical forests.
- Improvement of livelihood and poverty eradication of forest dwellers.
- Environmental services, functions and change in forest landscapes.
- Forest product development, manufacturing, marketing and trade.